

Usahawan Melayu mesti bersatu

BH 29 JUN 1994

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta usahawan Melayu bekerjasama dan bersatu sesama sendiri bagi meningkatkan kedudukan dalam ekonomi negara yang semakin pesat berkembang.

Perdana Menteri berkata, usahawan Melayu mampu mencapai kema-

juan dalam dunia perniagaan yang penuh saingan pada masa depan, jika mereka mempunyai semangat dan sikap positif.

“Usahawan Melayu perlu menghadapi kenyataan dunia perniagaan hari ini dengan penuh tabah dan realistik,” katanya menerusi perutusan dalam buku Laporan Tahunan

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), yang mengadakan mesyuarat agung tahunan ke-29, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, adalah wajar bagi usahawan Melayu menyesuaikan diri dengan keadaan semasa supaya tidak ketinggalan dan berada di takuk lama dalam pernia-

gaan mereka.

Beliau berharap persidangan tahunan DPMM itu memberi peluang kepada ahlinya untuk menilai pencapaian serta kelemahan pada masa lalu.

Menurutnya, menerusi cara itu mereka akan dapat menyusun strategi baru bagi mengukuhkan kedudukan.